

**UCAPAN OLEH
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA HARI ASEAN DI RTM TV1,TV2,TV3,TV7
8 OGOS 2005**

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.

ESOK, 8 OGOS 2005 ADALAH HARI ASEAN. INI BERMAKNA ASEAN KINI BERUSIA GENAP 38 TAHUN.

2. SATU TEMA YANG KENA PADA MASANYA TELAH DIPILIH BAGI MENYAMBUT HARI ASEAN PADA TAHUN INI, IAITU TEMA YANG BERTAJUK "PEMBANGUNAN KOMUNITI ASEAN UNTUK WARGA ASEAN" (ASEAN COMMUNITY BUILDING FOR ASEAN PEOPLE). INI ADALAH SEJAJAR DENGAN HASRAT KITA SUPAYA ASEAN MENJADI LEBIH "PEOPLE CENTRIC" ATAU MENGAMBIL PENDEKATAN YANG BERTERASKAN KEPADA KEBAJIKAN RAKYAT.

3. TAHUN INI MERUPAKAN KALI PERTAMA BAGI KESEMUA NEGARA-NEGARA ASEAN MENYAMBUT HARI ASEAN SECARA SERENTAK. TRADISI INI AMAT BAIK SEKALI DAN PATUT DIKEKALKAN.

4. KEANGGOTAAN MALAYSIA DALAM ASEAN TELAH MEMBAWA BANYAK MANFAAT KEPADA NEGARA KITA. KESTABILAN DIRANTAU INI TELAH MEMBOLEHKAN MALAYSIA MEMBERI TUMPUAN KEPADA PEMBANGUNAN NEGARA. KEADAAN AMAN TELAH MEMBOLEHKAN MALAYSIA MENGGALAKKAN PELABURAN DARIPADA LUAR NEGERI. DEMIKIAN JUGA, KERJASAMA EKONOMI DAN PENINGKATAN PERDAGANGAN ANTARA NEGARA-NEGARA ASEAN TELAH MEMBUKA LEBIH PELUANG PEKERJAAN BAGI PENDUDUK-PENDUDUK ASEAN. INI SEMUA TELAH MEMBAWA KEMAKMURAN DAN KESEJAHTERAAN KEPADA RAKYAT.

5. WALAU BAGAIMANAPUN, MASIH BANYAK YANG BOLEH KITA LAKUKAN BAGI MENGUKUHKAN LAGI ASEAN SEBAGAI ORGANISASI YANG RELEVAN BAGI MENCAPAI OBJEKTIF BERSAMA. UMPAMANYA:

- KITA PERLU MEMUPUK PERASAAN "KEKITAAN" ATAU " THE WE FEELING";
- KITA PERLU MENGURANGKAN JURANG PEMBANGUNAN ANTARA ANGGOTA ASEAN LEBIH-LEBIH LAGI DI ANTARA ANGGOTA-ANGGOTA BARU DENGAN ANGGOTA-ANGGOTA LAMA;
- KITA PERLU MENERAPKAN KESAMARATAAN NILAI MENGENAI ISU- ISU SEPERTI DEMOKRASI, HAK ASASI MANUSIA, DAN PEMERINTAHAN YANG MENGUTAMAKAN KESEJATERAN RAKYAT (GOOD GOVERNANCE);
- KITA PERLU MEMPERKUKUHKAN INSTITUSI ASEAN;
- KITA PERLU MENINGKATKAN KESEDARAN DAN JUGA PENGETAHUAN MENGENAI ASEAN YANG LEBIH MENDALAM DIKALANGAN WARGA NEGARA ASEAN.

7. MALAYSIA YAKIN KESEMUA INI BOLEH DICAPAI APABILA ASEAN MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH TERTENTU UNTUK MENGWUJUDKAN KOMUNITI ASEAN MENJELANG TAHUN 2020. BALI CONCORD KEDUA, YANG TELAH DITERIMA PADA SIDANG KEMUNCIAK ASEAN KE-9 PADA TAHUN 2003, MENJANGKA BAHAWA SEBUAH KOMUNITI ASEAN BOLEH DAN AKAN DIBENTUK DENGAN BERTERASKAN KEPADA TIGA TONGGAK UTAMA, IAITU PENGWUJUDAN KOMUNITI KESELAMATAN ASEAN, KOMUNITI EKONOMI ASEAN DAN KOMUNITI SOSIO-BUDAYA ASEAN. SEMUANYA AKAN DILAKSANAKAN MENGIKUT PELAN-PELAN BERTINDAK YANG TELAH DIPERSUJUI.

SAUDARA-SAUDARI SEKELIAN,

8. BAGI MEWUJUDKAN KOMUNITI KESELAMATAN ASEAN, SETIAP NEGARA ANGGOTA MEMPUNYAI TANGGUNGJAWAB BERSAMA SUPAYA MENGEKALKAN KEAMANAN, KESELAMATAN DAN KESTABILAN DI RANTAU INI. CARA-CARA MENCAPAI TUJUAN INI IALAH:

- PERTAMA, MENYELESAIKAN SEBARANG PERTELINGKAHAN SECARA AMAN MELALUI RUNDINGAN;
- KEDUA, MENANGANI CABARAN-CABARAN YANG MERENTASI SEMPADAN YANG BOLEH MEMBAWA KESAN NEGATIVE KEPADA PEMBANGUNAN NEGARA DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT. UMPAMANYA, KITA PERLU BERJAYA MENANGANI MASALAH-MASALAH SEPERTI PENYAKIT SARS, SELSEMA BURUNG, BENCANA TSUNAMI DAN KEGANASAN ANTARABANGSA;
- KETIGA, MEMASTIKAN SUPAYA TIDAK WUJUD DIRANTAU INI SEBARANG SENJATA PEMUSNAH BESAR-BESARAN DAN SUPAYA RANTAU INI BEBAS DARIPADA ANCAMAN-ANCAMAN SEJATA TERSEBUT.

9. BAGI MEWUJUDKAN KOMUNITI EKONOMI ASEAN PULA, ADALAH PERLU BAGI KITA MENINGKATKAN PERDAGANGAN SERTA KERJASAMA EKONOMI DI PELBAGAI BIDANG. NEGARA-NEGARA ASEAN BOLEH MEMPERKUKUH EKONOMI MASING-MASING SECARA BERKERJASAMA RAPAT ANTARA SATU SAMA LAIN. DENGAN JUMLAH PENDUDUK SERAMAI 540 JUTA, ASEAN BOLEH BERKEMBANG DAN MENJADI SATU PASARAN SERANTAU YANG PENTING. SEKIRANYA SEMUA NEGARA-NEGARA ANGGOTA ASEAN BERSUNGGUH-SUNGGUH BERUSAHA UNTUK MENJAYAKAN KAWASAN PERDAGANGAN BEBAS ASEAN (ASEAN FREE TRADE AREA) DAN JUGA SKIM-SKIM EKONOMI YANG LAIN, NESCAYA KITA AKAN BERJAYA MEMPERTINGKATKAN DAYA SAINGAN EKONOMI DAN MENJADIKAN ASEAN SEBAGAI KAWASAN PELABURAN, RAKAN EKONOMI, DAN DESTINASI PELANCONGAN YANG PENTING DIDUNIA INI.

10. ADALAH DIHARAPKAN KOMUNITI EKONOMI ASEAN AKAN DAPAT MEWUJUDKAN SATU PASARAN TUNGGAL DAN PUSAT PENGELUARAN SETEMPAT DIMANA BARANGAN, PERKHIDMATAN, PELABURAN, BURUH DAN MODAL UNTUK PELABURAN BOLEH BERALIRAN SECARA BEBAS DI ANTARA NEGARA-NEGARA ASEAN. MALAYSIA YAKIN BAHAWA APABILA KUKUHNYA INTEGRASI EKONOMI SERANTAU CARA INI,

ASEAN AKAN MENJADI LEBIH KOMPETITIF BAGI MENGHADAPI PERUBAHAN DAN CABARAN GLOBAL YANG KITA HADAPI SEKARANG.

11. UNTUK MENGEMBANGKAN LAGI EKONOMI NEGARA-NEGARA ASEAN, USAHA-USAHA SEDANG DILAKSANAKAN JUGA BAGI MEWUJUDKAN KAWASAN PERDAGANGAN BEBAS (FTA) ANTARA ASEAN DENGAN NEGARA-NEGARA SEPerti REPUBLIK RAKYAT CHINA, JEPUN, REPUBLIK KOREA, INDIA, AUSTRALIA DAN NEW ZEALAND. MALAYSIA YAKIN BAHAWA LANGKAH-LANGKAH UNTUK MELIBERALISASI PERDAGANGAN DAN PELABURAN SEUMPAMA INI AKAN DAPAT MENJANA PERTUMBUHAN EKONOMI YANG LEBIH RANCAK. PENUBUHAN KAWASAN PERDAGANGAN BEBAS AKAN MENGUNTINGKAN NEGARA-NEGARA ANGGOTA ASEAN. PENAWARAN DAN PERMINTAAN DARI LUAR ASEAN AKAN MENINGKAT. PELABURAN TERUS DARI LUAR ASEAN AKAN JUGA MEMBERANGSANGKAN.

12. KEARAH MENGWUJUDKAN KOMUNITI SOSIO-BUDAYA ASEAN, LANGKAH-LANGKAH TERTENTU SEDANG GIAT DIUSAHAKAN SUPAYA TERJALIN SATU MASYARAKAT PENYAYANG. INI TERMASUK MENGURUS SECARA BIJAK SEGALA IMPAK SOSIAL YANG TIMBUL AKIBAT DARIPADA INTEGRASI EKONOMI, MEMPELIHARA ALAM SEKITAR YANG MAPAN DAN MEMPERKUKUHKAN LAGI PERPADUAN SOSIAL.

13. MALAYSIA PERCAYA KERJASAMA SERANTAU BAGI MENCAPAI MATLAMAT-MATLAMAT YANG SAYA SEBUTKAN TADI ADALAH PENTING KERANA SEMUANYA SECARA LANGSUNG MENYENTUH SOAL KESEJAHTERAAN RAKYAT. ADALAH PERLU BAGI RAKYAT BERSAMA-SAMA MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM USAHA MEMBENTUK SATU MASYARAKAT PENYAYANG. INI BOLEH DICAPAI DENGAN MEMUPUK PERSEFAHAMAN, MENGHARGAI KEUNIKAN DAN KEKAYAAN BUDAYA MASING-MASING SERTA MENGGALAKKAN HUBUNGAN ANTARA RAKYAT DENGAN RAKYAT ('PEOPLE-TO-PEOPLE CONTACT') MENERUSI PROGRAM-PROGRAM PELANCONGAN, PERTUKARAN PELAJAR DAN SENI KEBUDAYAAN. KITA PERLU BERKONGSI MAKLUMAT DAN KEPAKARAN MENGENAI LANGKAH-LANGKAH PEMBASMIAN KEMISKINAN SERTA MELUASKAN PELUANG BEKERJA TANPA MEMUSNAHKAN ALAM SEKITAR DAN SUMBER-SUMBER SEMULA JADI.

14. SAYA PERCAYA APABILA WUJUDNYA KESEDARAN MENGENAI ASEAN, MAKA AKAN WUJUDLAH SATU MASYARAKAT SERANTAU ASEAN YANG DINAMIK DAN PROGRESIF. SETIAP LAPISAN MASYARAKAT MEMPUNYAI TANGGUNGJAWAB MENGENAI PEMBANGUNAN MASYARAKATNYA MASING-MASING. TIADANYA KESAKSAMAAN DALAM HAL SOSIAL ATAU PUN ADANYA 'SOCIAL INEQUALITY' BOLEH MENYUKARKAN PEMBANGUNAN EKONOMI DAN MENGANCAM KETENTERAMAN DALAM NEGERI. DALAM HAL INI, BADAN-BADAN KORPORAT, BERSAMA-SAMA DENGAN PEMERINTAH, ADALAH JUGA DIGALAK MENJALANKAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL MEREKA. ISU-ISU SEPerti KEMISKINAN, KEUTUHAN UNIT KELUARGA, KERUNTUHAN MORAL DAN PENGANGGURAN PERLU DITANGANI. KITA SEMUA BERHARAP BAHAWA DALAM KEGAIRAHAN KITA MENGEJAR PEMODENAN, PEMBANGUNAN EKONOMI, KEKAYAAN DAN SEBAGAINYA, PERKARA-PERKARA ASAS SEPerti KEUTUHAN UNIT KELUARGA PERLU DIBERI KEUTAMAAN SETIAP MASA.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

15. WALAUPUN ASEAN TELAH WUJUD SELAMA 38 TAHUN, MASIH RAMAI YANG TIDAK MEMPUNYAI PENGETAHUAN MENDALAM MENGENAI ASEAN DAN PENCAPAIANNYA. INI MUNGKIN KERANA TUMPUAN YANG DIBERIKAN KEPADA ASEAN SELAMA INI TIDAK MENYELURUH SERTA TIDAK MELIBATKAN KEPENTINGAN RAKYAT AMNYA. KITA BOLEH BERBANGGA BAHAWA KEADAAN INI TELAH MULAI BERUBAH. ASEAN KINI MEMBERI TUMPUAN UTAMA KEPADA PEMBANGUNAN MASYARAKAT. KITA SUDAH MULA NAMPAK PENYERTAAN DARI SEGENAP LAPISAN MASYARAKAT DALAM AKTIVITI-AKTIVITI ASEAN. INI SESUNGGUHNYA AMAT MENGGALAKKAN DAN USAHA INI PERLU DIPERTINGKATKAN LAGI DARI SEGI KESEDARAN, PENDIDIKAN DAN PENGLIBATAN.

16. SELAKU PENERUSI JAWATANKUASA TETAP ASEAN, MALAYSIA TELAH MENGGARISKAN BEBERAPA INISIATIF YANG PATUT DIBERI KEUTAMAAN MULAI SEKARANG. INI TERMASUK PERKARA-PERKARA BERIKUT:

PERTAMA, PENDEKATAN ASEAN YANG BERTERASKAN KEPADA RAKYAT, TERMASUK MELIBATKAN PENYERTAAN RAKYAT DI DALAM AKTIVITI-AKTIVITI ASEAN SEPERTI PENGANJURAN SIDANG KEMUNCAK BERTAMADDUN DI KUALA LUMPUR SEBAGAI ACARA SAMPINGAN SIDANG KEMUNCAK ASEAN KE 11;

KEDUA, PENUBUHAN PIAGAM ASEAN;

KETIGA, PENJANAAN KEWANGAN UNTUK MENUBUHKAN DANA PEMBANGUNAN ASEAN (ASEAN DEVELOPMENT FUND) DARIPADA SUMBER-SUMBER YANG DAPAT DIPEROLEHI DARI RAKAN-RAKAN DIALOG, INSTITUSI ANTARABANGSA DAN PIHAK SWASTA;

KEEMPAT, MENGAMBIL PENDIRIAN DAN PERANAN YANG LEBIH PRO-AKTIF BAGI PIHAK ASEAN DI PERSIDANGAN-PERSIDANGAN ANTARABANGSA TERTENTU;

KELIMA, MENGANJUR BAGI JULUNG KALINYA MESYUARAT MENTERI-MENTERI PERTAHANAN ASEAN;

KEENAM, MEMPEROLEHI PERSETUJUAN SUPAYA TERMETERINYA SATU TRITI MENENTANG KEKERASAN (NON-AGGRESSION TREATY) ANTARA NEGARA-NEGARA ASEAN; DAN

KETUJUH, MELIPAT-GANDAKAN USAHA-USAHA BAGI MENGURANGKAN JURANG PEMBANGUNAN ANTARA NEGARA ASEAN MELALUI PELAKSANAAN PELAN DAN PROGRAM YANG SEDIA ADA SEPERTI PROGRAM TINDAKAN VIENTIANE (VAP) DAN INISIATIF INTEGRASI ASEAN (IAI).

17. AKHIR KATA, SAYA INGIN MENYERU KEPADA SEMUA ANGGOTA MASYARAKAT AGAR MENGENALI ASEAN DENGAN LEBIH MENDALAM LAGI, DAN MENYOKONG KERAJAAN DALAM USAHA-USAHANYA UNTUK MEMPERKASAKAN ASEAN. ADALAH PERLU KITA MEMPERKUKUHKAN LAGI KERJASAMA ANTARA NEGARA-NEGARA ASEAN AGAR KITA MENCAPI KEJAYAAN DI TAHAP YANG LEBIH TINGGI LAGI. TUJUANNYA IALAH SUPAYA ASEAN AKAN TERUS MENJADI RELEVAN DAN SENTIASA RESPONSIF KEPADA CABARAN-CABARAN GLOBAL YANG DIHADAPI.

18. SAYA YAKIN, DENGAN ADANYA SEMANGAT KERJASAMA, DEDIKASI SERTA KOMITMEN TINGGI DIKALANGAN SEMUA PEMIMPIN-PEMIMPIN ASEAN, PERTUBUHAN INI AKAN TERUS MAJU BAGI MEWUJUDKAN SATU RANTAU ASIA TENGGARA YANG DINAMIK, PROGRESIF DAN DIHORMATI OLEH MASYARAKAT ANTARABANGSA.

SEKIAN, TERIMA KASIH.

WABILAH TAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM
WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.